

26/01/2002

Pas sentiasa anggap tindakan kerajaan bermotif politik

MELAKA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Pas sentiasa menganggap setiap yang dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) bermotifkan politik.

Perdana Menteri berkata, malah tindakan parti pembangkang itu, termasuk mengenai hal agama dipolitikkan.

"Bagi Pas semuanya politik, dia sembahyang pun kerana politik, dia puasa pun kerana politik... dia pergi sembahyang tengah padang buat apa, hendak tunjuk kat oranglah.

"Itu politiklah, itu bukan sembahyang betul, tak sah. Pasal niat tu tak betul, tak sah. Bila kita sembahyang kita kena niat betul, dia semua politik," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari Kastam Sedunia kali ke-20 di Akademi Kastam, Bukit Baru, di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa tindakan Kerajaan Pusat mewajibkan semua kakitangan awam menandatangani akujanji sebagai bermotifkan politik.

Pada majlis itu, surat akujanji yang ditandatangani pegawai serta kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja diserahkan Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Halil Abdul Mutalib kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Samsuddin Hitam yang kemudian menyerahkannya kepada Dr Mahathir.

Dr Mahathir turut merasmikan pertukaran nama jabatan itu kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia di samping melancarkan pakaian seragam baru serta logo baru jabatan itu.

Perdana Menteri berkata, semua kakitangan kerajaan yang bersetuju menandatangani peraturan akujanji tidak harus lupa janji itu.

Beliau yang bersyukur tiada bantahan terhadap akujanji itu, termasuk disokong serta ditandatangani kesatuan sekerja, berkata ia petanda kakitangan awam tidak mahu terbabit dengan perbuatan tidak diingini.

"Ini juga menunjukkan mereka tak takut cabul janji kerana mereka tidak berniat buruk," katanya.

Oktober lalu, Kabinet mewajibkan setiap kakitangan awam menandatangani akujanji selepas mendapati ada kakitangan tidak mematuhi Perintah Am. Cuepacs, kesatuan sekerja induk sektor awam, bersetuju menerima pelaksanaan akujanji itu.

Antara kandungan akujanji itu menekankan kepentingan kakitangan awam bertugas penuh tanggungjawab.

Ketika berucap, Perdana Menteri berkata, walaupun kakitangan awam menandatangani akujanji, kadangkala mereka terlupa dan melakukan perbuatan tidak diingini seperti rasuah.

Katanya, ini kerana ada kakitangan, termasuk pegawai, mahu cepat kaya tetapi tidak sedar kegiatan boleh menyebabkan mereka diheret ke mahkamah dan dipenjarakan.

"Kita bersyukur masalah rasuah tidak berleluasa di Malaysia. Ada negara rasuah melumpuhkan ekonomi hingga nak naikkan gaji kakitangan kerajaan pun sukar kerana kerajaan tiada duit.

"Saya yakin keadaan di negara ini tidak seperti itu walaupun berlaku sedikit rasuah kerana kita tidak boleh menghapuskannya seratus peratus," katanya.

(END)